

**MSWG****MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

04 Sept 2015

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

SCAN ASSOCIATES BERHAD (“SAB”)

Lembaga Pengarah SAB mengumumkan bahawa kes saman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Saman No. 22NCC-130-05/2015 bertarikh 10 Mei 2015 di antara SAB (“Plaintif”) dan Bursa Malaysia (“Defendan”) untuk menghalang Defendan daripada menguatkuasakan Arahan bertarikh 8 Mei 2015 (“Saman”), telah ditarik balik pada tarikh yang sama dengan kos sebanyak RM30,000.00 dibayar kepada Defendan dan tanpa ada kuasa untuk memfailkan saman baharu.

Berikutan itu, Plaintif akan menarik balik Rayuan Sivil No. W-02(IM)(NCC)-941-06/2-15 yang telah difailkan di Mahkamah Rayuan ke atas keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang menolak permohonan Plaintif bagi injunksi interlocutory dengan tiada perintah mengenai kos.

Syarikat berpandangan bahawa penarikan balik Saman tersebut adalah bagi kepentingan terbaik syarikat.

[Sumber: Pengumuman SAB di laman sesawang Bursa Malaysia pada 27 Ogos 2015]

KOMEN MSWG:

Setelah SAB menarik balik kes mahkamah ke atas Bursa Malaysia dengan kos sebanyak RM30,000, kami mendapati bahawa SAB telah pada keesokan harinya mengumumkan satu lagi keputusan kerugian yang menyebabkan SAB menjadi syarikat yang secara teknikalnya adalah muflis dengan liabiliti bersih sebanyak RM0.03 sesaham. Bursa Malaysia telah mengambil langkah berhati-hati dalam melindungi kepentingan pemegang saham minoriti SAB melalui pengelasan SAB sebagai syarikat di bawah GN3.

SOUTHERN ACIDS (M) BERHAD (“SAMB”)

SAMB telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) ke-34 pada 28 Ogos 2015 di mana kesemua resolusi yang dibentangkan di dalam notis MAT telah diluluskan oleh pemegang saham/proksi syarikat.

[Sumber: Pengumuman SAMB di laman sesawang Bursa Malaysia pada 28 Ogos 2015]

KOMEN MSWG:

Terdapat beberapa pemegang saham minoriti yang tidak gembira mengenai keputusan Lembaga Pengarah yang telah memberikan kira-kira 20 ekar tanah milik Kumpulan di Kota Kemuning kepada pihak ketiga untuk membina akses bagi lebuhraya meskipun Lembaga Pengarah telah menjelaskan bahawa tanah seluas 20 ekar tersebut masih kekal milik Kumpulan dan lebuhraya tersebut akan meningkatkan nilai baki tanah seluas 600 ekar di kawasan tersebut. Pergaduhan hampir tercetus di antara 2 pemegang saham setelah berlaku pertengkarang hangat mengenai isu tanah tersebut.

AIRASIA X BERHAD (“AAXB”)

Lembaga Pengarah AAXB mengumumkan bahawa juruaudit dalaman dan juruaudit luar syarikat telah mendapati bahawa pembayaran tertentu telah dibuat kepada penyedia perkhidmatan di antara tempoh 2010 hingga 2014 bagi perkhidmatan yang kini didapati adalah palsu.

Berikutan penemuan tersebut, Lembaga Pengarah atas syor Jawatankuasa Audit telah melantik PwC Consulting Services Sdn. Bhd. (“PwCCS”) untuk menjalankan audit forensik dan mengarahkan pihak pengurusan untuk memastikan terdapat semua dokumen berkaitan dan/atau kakitangan utama bagi PwCCS mengkaji dan melaksanakan sesi temu bual, di mana perlu.

Penemuan audit forensik telah mendapati bahawa penyelewengan tersebut adalah dihadkan kepada jumlah sebanyak RM7.01 juta.

[Sumber: Pengumuman AAXB di laman sesawang Bursa Malaysia pada 27 Ogos 2015]

KOMEN MSWG:

Pemegang saham AAXB tentunya terkejut dengan pengumuman oleh AAXB mengenai penyelewengan tersebut dan mungkin tertanya-tanya sama ada ini merupakan permulaan kepada masalah yang lebih besar serta mengapa AAXB mengambil masa selama 4 tahun sebelum penyelewengan ini ditemui.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Scan Associates Berhad.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mSWG.ceo@mSWG.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.